

14 AUG 1997

Lim-Pekerja

IMBUHAN KEPADA MAJIKAN YANG KURANG BERGANTUNG KEPADA PEKERJA ASING

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Majikan yang tidak banyak bergantung kepada pekerja asing akan diberi ganjaran selaras keputusan kabinet untuk mengurangkan bilangan pekerja asing di negara ini, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

"Kami akan mengkaji bentuk ganjaran itu sebagai menghargai peranan mereka yang tidak bergantung kepada pekerja asing," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan di sini hari ini.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan agar ganjaran diberi kepada majikan seperti itu ekoran peningkatan masalah sosial akibat kemasukan ramai pekerja asing ke negara ini.

Lim berkata kerajaan sangat peka kepada masalah yang berpunca daripada pekerja asing dan sedang berusaha sebaik mungkin menanganinya.

Selain penguatkuasaan oleh beberapa agensi yang berkaitan, kerajaan juga memerlukan kerjasama daripada majikan bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing, kata beliau.

Katanya kerajaan mahu kegiatan majikan dan ejen tidak bertanggungjawab dihentikan bagi menjaga nama baik negara.

Lim juga berkata beliau akan ke Pulau Pinang bagi menyoal sebuah syarikat yang dilaporkan menghentikan pekerja tempatan dan menggantikan mereka dengan pekerja asing.

"Minggu depan saya akan ke Johor, juga berhubung kes serupa. Kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan majikan yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Lim juga berkata mesyuarat hari ini bersetuju agar Akta Pekerja diperluaskan ke Sabah dan Sarawak, dan untuk itu, rundingan akan diadakan dengan kedua-dua kerajaan negeri menjelang akhir tahun ini.

"Kita tidak mahu selama-lamanya mempunyai dua undang-undang berkaitan pekerja di negara ini. Perkara ini telah lama berlanjutan, sudah lapan tahun sejak saya menjadi menteri," katanya.

Lim juga berkata Hari Keluarga sempena Hari Buruh akan diadakan sebelum akhir tahun ini yang akan disertai oleh majikan kerajaan dan pekerja serta keluarga masing-masing.

Pada tahun ini Persekutuan Majikan Malaysia akan menganjurkan Hari Keluarga itu sementara tahun depan oleh pihak pekerja. -- BERNAMA

ZAB MS MAI